

**PENDEKATAN INTERDISIPLIN DALAM KAJIAN KUALITATIF.  
(KEARIFAN TEMPATAN WARISAN KRAF BULUH: SIMBOLISME MINDA DAN WATAK  
DALAM SOSIO-BUDAYA MULTI ETNIK SARAWAK)**

Oleh

**Mohd Zaihidee Arshad**

zaihidee@fskik.upsi.edu.my

University Pendidikan Sultan Idris - Malaysia

**Abstrak**

Kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan interdisiplin dalam kajian menekankan persoalan permasalahan dapat dijawab secara menyeluruh, berkesan dan bermakna. Warisan kraf buluh dalam sosio-budaya multi etnik di Sarawak mencakup pelbagai aspek kehidupan dalam memenuhi keperluan psikologi, sosiologi dan antropologi yang tidak terpisah dengan sejarah kehidupan dan sejarah kesenian manusia. Pendekatan interdisiplin yang digunakan dalam kajian dapat menjelaskan cakupan pelbagai aspek keperluan kehidupan manusia. Apa, mengapa dan bagaimana yang berlaku dalam permasalahan kehidupan diterjemahkan. Dalam konteks ini, penyelidik mengajak audien melihat bagaimana interdisiplin berfungsi dalam kajian. Interpretasi yang dilakukan lebih berfokus dan bermakna apabila beberapa teori berkaitan seperti Teori Sosial Parsons dan Teori Seni Langer digunakan. Kaedah kepustakaan, temu bual, pemerhatian dan analisis objek kraf dilakukan melalui pendekatan yang digunakan. Data diinterpretasi dan diproses secara Analisis Interaktif Miles dan Huberman. Tiga komponen analisis digunakan iaitu (1) reduksi data (2) menyajikan data dan (3) membuat kesimpulan atau verifikasi. Proses Reduksi data berguna dalam kajian ini untuk menajamkan dan mengorganisasikan kesimpulan analisis. Dapatan menunjukkan kewujudan kraf buluh sebagai simbolisme dalam sosio-budaya multi etnik di Sarawak sangat berhubung rapat dengan minda dan tingkah laku masyarakat tersebut sehingga dapat membentuk kesenian dan kebudayaan dengan identiti yang tersendiri.

**Kata Kunci:** Kraf, simbol, Sosio buday

**Pendahuluan**

Seni dan hasil karya seni perlu dikaji berdasarkan pendekatan interdisiplin kerana sifatnya yang begitu kompleks dan luas serta merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia. Kesenian dan kebudayaan tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia lebih-lebih lagi apabila kajian ini menekankan proses kepada kewujudan kraf buluh melalui simbol dan hubungannya dengan minda dan tingkah laku etnik Iban, Melanau dan Bidayuh di Sarawak. Pendekatan interdisiplin digunakan bagi menjawab pernyataan masalah melalui persoalan yang telah dikenal pasti daripada pelbagai arah dan perspektif untuk mentafsir, memahami dan menilainya (Tjetjep Rohendi Rohidi, 2000). Penggunaan pendekatan interdisiplin yang terdiri daripada pendekatan sejarah, psikologi, sosiologi dan antropologi bermakna akan menyentuh

pelbagai dimensi yang berkaitan dengan pembentukan minda dan tingkah laku manusia seperti pengalaman, peraturan dan logik, kesesuaian pilihan dan ekspresi, seterusnya melihat hubungannya dengan konsep keseimbangan dalam kesenian etnik di Sarawak, kejelasan lingkungan kraf, penerokaan kraf dan komunikasi dalam kraf.



Kes 1 : Lantai ; Jambatan

*Kaum Dayak (pelbagai suku kaum pribumi Borneo) mempunyai rumah yang dibangunkan dengan lantai yang terdiri daripada jalur-jalur kepingan buluh dengan 3 inci lebar supaya setiap kepingan itu menjadi hampir rata. Penempatan Dayak di pedalaman Sarawak buluh dijadikan jambatan yang digunakan untuk menyeberang di kawasan paya, jurang dan sungai. Laluan ini membentuk huruf X dan persimpangan beberapa kaki di atas air. Ia digunakan setiap hari untuk pelbagai tujuan terutama untuk membawa beban yang berat. Pada laluan yang curam dan licin dalam keadaan yang basah atau kering, buluh digunakan dengan cara lain. Buluh dipasang dengan pasak supaya mudah digunakan. Buluh yang reput akan digantikan dengan buluh baru, lebih menjimatkan daripada menggunakan kayu yang lebih keras dan lebih tahan lama." Etnik Iban merupakan salah satu susur galur orang Dayak di Borneo. Iban bermakna suku kaum peribumi yang terbesar di Sarawak, yang tinggal di merata daerah terutamanya di Miri, Bintulu, Sibu, Kapit dan Kuching juga dikenali sebagai Dayak Laut. Cara hidup kaum Iban ketika itu disesuaikan dengan cara mereka mengeksplorasi kawasan hutan untuk penanaman padi bukit, memburu binatang dan menangkap ikan di sungai. Kaedah berburu binatang secara tradisional adalah dengan menggunakan perangkap. Masyarakat Iban, Melanau dan Bidayuh yang tinggal berhampiran dengan sungai mencipta bubu atau perangkap ikan untuk menangkap ikan. Bahan buluh menjadi bahan sejarah dalam kehidupan penciptaan masyarakat ini. Perkembangan sejarah penciptaan bubu*

*yang bermula dengan fungsi kepada keperluan asas berkembang membentuk sejarah seni masyarakat tersebut. Sejarah kesenian telah menjadikan penciptaan yang dilakukan menjadi semakin baik dan mula dikaitkan dengan nilai dan fungsi yang lebih tinggi. Pencapaian ini membawa kepada pembentukan minda dan watak masyarakat tersebut. Bermula dengan pengalaman yang membentuk kemahiran dan ilmu, ada etika dan peraturan yang disesuaikan dengan keadaan ketika itu.*

### Pendekatan Sejarah

Pendekatan sejarah mempunyai keistimewaan yang sentiasa merangsang manusia untuk terus menyoal tentang keadaan, kedudukan serta kesejarahannya dengan harapan mendapatkan sesuatu manfaat atau faedah daripadanya (Hamerow, Theodore S., 1987). Pendekatan itu menyentuh tentang apa, mengapa, bagaimana, bila dan di mana yang berkait dengan menjawab faktor-faktor sejarah (Taufik Abdullah, 1985). Kraf buluh yang dikaji merupakan bentuk gambaran tentang pergerakan waktu dan peristiwa yang berurutan tentang kegiatan yang berkaitan dengan kehidupan dan keperluan yang memaparkan bentuk pemikiran dan tingkah laku dalam masyarakat sezaman yang dikembangkan melalui warisan. Lazimnya kesedaran itu didorong oleh kepentingan agama, kepercayaan ataupun peribadi (Butterfield, H., 1981). Menurut Collingwood, pendekatan sejarah perlu digunakan bagi mengkaji atau meneliti sesuatu yang berkaitan dengan pemikiran kerana itu adalah sejarah pemikiran Collingwood, R. G. *Idea Sejarah*. (Terjemahan) Muhs Yusof Ibrahim, 1986), di dalamnya mempunyai fakta yang merupakan dialog yang berterusan di antara masa kini dengan masa lampau. Fakta yang wujud menjadi catatan penting yang dibatasi oleh ruang waktu, tempat, keadaan, kepercayaan dan budaya. Pendekatan sejarah penting dalam kajian ini sebagai satu disiplin ilmu yang mempunyai konsep dan teori, kaedah atau tatacara dengan falsafahnya yang terdiri dalam proses mencari dan menentukan sifat dan kebenarannya (Taufik Abdullah, 1985).

Manusia tertarik terhadap masa lalu sebagai sesuatu yang berguna sebagai pengalaman kerana ada di antaranya dicerap sebagai ilmu, kepercayaan dan budaya dalam sesuatu masyarakat, malah boleh pula menentukan cara hidup akan datang (Mohd Yusof Ibrahim, 1997). Di samping itu, menurut (E.H. Carr, 1966) melalui pendekatan sejarah emosi

manusia dapat dikembangkan dengan berkesan dan mendalam. Kenyataan yang menjelaskan berhubung dengan pengalaman dan emosi dalam pendekatan sejarah dapat membantu penyelidik menghuraikan konsep asas yang dibina dalam mengkaji minda dan tingkah laku etnik-etnik dalam kajian ini iaitu pengalaman, peraturan dan logik, kesesuaian pilihan dan ekspresi.

Hegel, seorang ahli falsafah sejarah menyatakan apabila mengkaji sejarah bermakna di dalamnya ada falsafah tentang idea, masa dan kepercayaan manusia terutamanya pemikiran tentang seni. Bentuk seni lebih penting daripada kandungannya kerana ia menjadi asas kepada penciptaan atau idea sesuatu yang dinamik (Hegel G. W. F, 1953). Bentuk seni itu sentiasa berubah menurut kehendak manusia. Signifikan kepada pendekatan sejarah Hegel ialah idea dan kepercayaan yang membentuk kreativiti manusia dalam ruang masa yang tersendiri. Melalui pendekatan sejarah, pemikiran Hegel tentang seni dapat dikaikat dengan kewujudan kraf buluh dan hubungannya dengan minda dan tingkah laku etnik-etnik di Sarawak. Pendekatan dan bukti sejarah dapat dipakai untuk mengetahui tentang perubahan yang berlaku antaranya perubahan kebudayaan yang ada hubungan dengan seni dan aspek-aspek lain yang berkaitan. Dalam hal ini berbagai-bagai peristiwa unik yang pernah terjadi dalam proses kewujudan kraf dapat dipakai, diubah dan disesuaikan untuk menjelaskan fenomena penerimaan kraf dalam etnik-etnik tersebut.

Dalam perkembangan ini penyelidik perlu mencari bahan dokumen yang menceritakan suatu interaksi spesifik seseorang dalam masyarakatnya di masa lalu. Pandangan Boas tentang kepentingan pendekatan sejarah dapat berperanan sebagai alat untuk memahami kebudayaan yang tersebar di muka bumi (Boas, 1955) Deskripsi mengenai sesuatu fenomena harus dijaga dengan utuh. Konsep 'corak' yang wujud dalam kraf harus dianalisis dengan pendekatan sejarah untuk mencari hubungan dengan pengaruh luar terutamanya hubungan dengan kesan sejarah kerana apa yang tampak sekarang ditentukan oleh sesuatu di masa lampau (Hari Poerwanto. 2000).

Menurut Erwin Panofsky, lumrahnya, tiga prosedur terlibat dalam proses penghasilan karya

seni iaitu bentuk bahan yang digunakan, hal benda dan kandungan atau maksud yang terkandung di dalamnya. Identifikasi dan interpretasi yang dilakukan sangat bergantung kepada alat atau objek yang digunakan melalui proses historikal yang berkait dengan 'tradisi'. Penginterpretasian simbol memerlukan kecekapan, celik tampak dan dilengkapkan dengan pengalaman, pengetahuan dan pemikiran (Panofsky, 1955).

'Wujud ekspresi sebenar dalam kehidupan' (Saarinen, 1950), mempunyai nilai seni yang menggambarkan hubungan budaya dan masyarakat di dalamnya. Bentuk seni bukan sahaja berfungsi untuk menghuraikan tentang seni tetapi sebenarnya menjelaskan tentang sejarah seni yang ada hubungan dengan hal benda dan fungsinya sebagai ikatan untuk mencapai matlamat kerja-kerja seni dalam sesuatu masyarakat. Karya seni yang baik dan berkesan dapat menunjukkan bentuk dan hal benda selaras dengan kehendak maknanya. Kehendak artistik bertindak terhadap keperluan isi kandungan dan kedua-duanya bertujuan untuk mencapai matlamat akhir menghasilkan kraf tersebut. Isi kandungan mengandungi idea tentang pemikiran asli pengkarya dan bukti idea dijelmakan dalam bentuk karya yang dihasilkan yang memberi impak kepada individu, masyarakat dan budaya (Panofsky, 1955).

Bentuk dan idea membentuk sifat keseimbangan yang menjadi isi kandungan dalam karya seni. Asasnya ialah kebolehan diri dalam membuat interpretasi makna yang menjadi isi kandungan dalam karya tersebut. Makna didapat melalui pelbagai sumber seperti sejarah idea dan nilai, institusi agama, perkembangan intelektual, sosial dan institusi budaya. Maklumat diinterpretasi melalui tiga tahap iaitu primer atau hal benda sebenar, sekunder atau hal benda konvensional dan makna intrinsik atau isi kandungan. Tahap-tahap itu menurut Panofsky, merupakan langkah untuk menghubungkan seni dengan masyarakat (Panofsky, 1955). Tahap ketiga makna yang disarankan Panofsky melibatkan sintesis terhadap komposisi idea-idea yang berada pada tahap pertama dan budaya serta ideologi pada tahap kedua. Pada tahap inilah, pengkaji akan menunjukkan bagaimana bentuk dan isi kandungan yang diinterpretasi sebagai simbol wujud dalam kraf buluh kerana kraf yang dihasilkan diinterpretasi berdasarkan maksud yang ingin disampaikan. Walaupun bentuk dan isi

kandungan merupakan dua aspek yang berbeza tetapi dalam konteks sebenar kedua-dua aspek tersebut mempunyai kesatuan hubungan yang rapat dalam menjelaskan pengalaman atau tingkah laku interaksi benda hidup antara manusia dengan alam (Dewey, 1958).

Kajian berkaitan dengan simbol mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan manusia kerana manusia sentiasa menggunakan simbol dalam kehidupannya sehari-hari. Simbol merupakan fakta atau peristiwa yang berlaku yang ada hubungan dengan sejarah mengapakah simbol itu wujud? bagaimanakah ia wujud? bilakah ia wujud? dan persoalan ini memerlukan pendekatan sejarah untuk menjawabnya secara berkesan dan bermakna.



Kes 2 : Tabung Buluh

*'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'* ungkapan peribahasa yang sinonim dengan kehidupan orang Melayu. Secara universal pengertian ini memberi kesan dalam kehidupan masyarakat lain di Malaysia, seperti etnik Iban, Melanau dan Bidayuh kerana buluh terdapat dan berfungsi dalam sejarah kehidupan manusia. Etnik Iban yang tinggal di pinggir sungai, membolehkan mereka menginterpretasi keadaan di sekeliling mereka untuk diterjemahkan, lalu dilaksanakan di atas bahan yang ingin dijadikan peralatan, antaranya buluh. Buluh mudah didapati serta dimanipulasi menjadi tabung duit dengan kreativiti seni yang tersendiri pada ciptaan itu, atau mengubahnya kepada bentuk bilah untuk kegunaan anyaman serta menggunakan bentuk sedia ada (asal) dengan hanya mengubah fungsi atau bentuk, iaitu menerusi pembuatan berinchoyo (seruling) dan Mpulok

*Nkannuh, iaitu tempat menyimpan bahan makanan. Suasana serta kehidupan etnik Iban, Melanau dan Bidayuh yang tinggal di pinggir sungai serta kawasan berdekatan hutan, membolehkan mereka memperoleh bahan ini dengan mudah; berikutnya kawasan ini merupakan habitat semula jadi pertumbuhan dan kehidupan buluh. Kraf buluh tersebut telah lama mendapat 'tindak balas' yang baik daripada masyarakat setempat, kerana penglibatan adat budaya, keagamaan serta ekologi masyarakat mengikut etnik-etnik tersebut.*

### Pendekatan Psikologi

Hal benda yang berkait dengan psikologi ialah minda iaitu aspek yang menyentuh persoalan kehidupan yang wujud kesedaran dari dalam individu. Minda membentuk tingkah laku. Kajian terhadap minda dan tingkah laku tidak boleh diasingkan kerana lumrahnya kedua-dua wujud secara timbal balik. Bagi menjurus kehendak psikologi dan hubungannya dengan seni maka kajian terhadap simbol dalam kraf buluh dan hubungannya dengan minda dan tingkah laku menggunakan pendekatan psikologi Vygotsky. Pendekatan ini menggunakan kaedah objektif dan analitikal yang menganalisis struktur hasil kerja seni berdasarkan tindak balas dan kehendak dalaman individu. Konsep ini menekankan makna melalui cara melihat seni yang mengutamakan nilai. Seni bukanlah semudah melayan persepsi tampak sahaja tetapi memerlukan kebolehan untuk membuat transformasi sebagai simbol. Seni mempunyai hubungan dengan perasaan manusia dari segi teknik. Perasaan sensasi, emosi dan takjub merupakan sebahagian daripada kandungan seni yang dipindahkan ke dalam hasil kerja seni. Transformasi bahan yang berlaku membentuk kreativiti artistik dengan perasaan luar biasa yang dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat tersebut.

Pendekatan psikologi Vygotsky menjelaskan, dalam minda manusia, bentuk dan isi kandungan tidak wujud secara berasingan. Isi kandungan kepada hasil karya seseorang artis itu bukan kepada material tetapi kepada isi kandungan sebenar yang dapat dikenal pasti ciri-ciri yang tepat melalui pengalaman estetik artis. Isi kandungan yang ada dalam minda tidak semudah itu disuntik ke

dalam karya seni daripada luar tetapi proses ini dapat dilakukan oleh artis (Vygotsky, 1971). Sejarah awal manusia yang berhubung dengan falsafah pemikiran telah mengkategorikan bentuk itu sebagai sesuatu yang lahir dari dalam, mempunyai asas kualiti yang penting dan secara universal berstruktur metafizik (Dewey, 1958). Contohnya, konsep seni dalam zaman klasik yang diutarakan oleh Plato mengenai teori imitasi yang mengklasifikasikan seni itu suatu peniruan sebenar benda alam. Sementara Aristotle pula mendefinisikan karya seni itu sebagai bentuk organik dan struktur benda sebenar melalui proses yang disebabkan oleh bahan, kecekapan, aspek-aspek formalistik dan matlamat akhirnya. Kedua-dua ahli falsafah klasik menjelaskan bentuk seni itu didasarkan kepada kehendak psikologikal yang berkepentingan membangunkan moral manusia (Osborne, 1970). Seni dianggap baik bagi memenuhi keperluan fungsi moral terhadap artis yang menghasilkannya dan juga masyarakat. Bentuk seni yang menjadi simbol moral merupakan salah satu pendekatan yang diaplikasi dalam memahami kraf buluh.

Kajian terhadap simbol dalam kraf buluh berkait dengan kajian bidang seni dan memerlukan pendekatan psikologi sebagai asas kepada kajian di samping cuba memahami dan menjelaskan tingkah laku individu dan masyarakat pendukungnya. Asas kepada kajian terhadap simbol seperti yang disarankan W.von Humboldt dalam Vygotsky, bahawa seni itu sebagai persepsi yang berkait dengan pengalaman, pengajaran dan panduan dalam hidup (Vygotsky, 1971). Terdapat tiga elemen asas dalam sistem psikologi yang membantu manusia mengenali seni iaitu bentuk fizikal atau bentuk luaran, bentuk dalaman dan makna. Kajian ini perlu didasarkan tiga elemen tersebut yang menekankan penerimaan kraf berdasarkan persepsi terhadap kraf. Persepsi melibatkan kemampuan membuat pertimbangan yang wajar melalui pengalaman dan pengetahuan yang ada pada individu pembuat kraf dan tahap persepsi yang diterima oleh masyarakat sekelilingnya.

Penilaian terhadap seni bergantung kepada pendekatan psikologi yang digunakan kerana fungsi seni itu seperti alat yang boleh dikawal untuk membentuk perasaan. Seni boleh dirumuskan bagi membentuk moral terhadap pembentukan etika dan estetik manusia. Pendekatan psikologi wajar digunakan bagi mengesan simbol

moral yang terdapat dalam kraf buluh etnik-etnik Iban, Melanau dan Bidayuh..

Lumrahnya, kehidupan sehari-hari adalah asas biologikal kepada seni kerana tingkah laku manusia membentuk keseimbangan organisme dengan persekitarannya. Tindakan berbentuk seni diambil apabila sesuatu yang kritikal wujud dalam kehidupan. Tindakan itu terjadi kerana membentuk dan mengubah tingkah laku. Proses tersebut membentuk tindakan yang kreatif bagaimana hendak mengurangkan tekanan perasaan, untuk menyelesaikan masalah dan menguasai keadaan. Persepsi terhadap seni memerlukan kreativiti kerana pengalaman perasaan orang lain tidak cukup untuk memahami struktur dan bentuk seni. Ia perlu dirasai sendiri (Vygotsky, 1971), dan penyelidikan wajar dijalankan secara langsung mengenai objek yang dikaji dengan komitmen pembuatnya.



Kes 3 : Kraf Muzik

*Motif pada kraf buluh dipandang oleh masyarakat sebagai tempat untuk mereka 'meluahkan' hasrat dan kemahuan sesama manusia, petara atau pada 'yang telah mati'. Lahirlah falsafah dalam penghasilan kraf buluh yang disusun dengan mengikut padanan dan motif-motif yang mempunyai makna yang berkaitan dengan sesuatu yang diperlukan, sama ada secara individu atau berkumpulan, untuk upacara keagamaan atau sebagainya. Dalam kehidupan bermasyarakat, kehidupan sosial adalah sangat penting dan menjadi tunggak kepada kehidupan yang aman atau sebaliknya. Kraf sebagai fungsi sosial dapat dilihat dari peranan kraf dalam kehidupan sosial masyarakat. Antara peranan kraf dalam*

*kehidupan sosial masyarakat adalah seperti kraf simbol sosial, kraf yang berfungsi sebagai sumber ekonomi masyarakat, kraf sebagai fungsi politik, kraf sebagai produk budaya atau dengan makna lain, digunakan untuk kepentingan sosial sesebuah masyarakat. Dalam masyarakat Iban, terdapat sebuah sastera lisan mengenai seorang yang dungs dengan seorang yang pintar yang pandai menipu. Cerita ini menjadi sebuah cerita tradisi yang dianggap tinggi pemahaman falsafahnya. Diceritakan bahawa Apai Saloi, seorang lelaki yang bodoh; telah menukar rumahnya yang cantik dan kukuh dengan pondok buluh Apai Seumang-Umang yang kecil dan hodo hany disebabkan terpedaya dengan tipu helah Apai Seumang-Umang.<sup>1</sup> Cerita ini mengesahkan bahawa kraf buluh boleh menjadi penentu kepada perubahan status sosial seseorang di dalam masyarakat umum. Selain itu, penentuan status dilihat dengan lebih jelas apabila Apai Seumang-Umang akhirnya dipandang mulia oleh masyarakat setempatnya apabila memiliki rumah Apai Saloi, menerusi tipu muslihatnya. Persoalan maruah atau ‘air muka’ keluarga tidak dipandang remeh, dan ini menyebabkan mereka sangat mengambil berat dalam kesemua perkara, walaupun menggunakan peralatan yang kecil. Dalam pada itu, kraf buluh juga berfungsi bagi mengeratkan perhubungan antara sesama manusia mahupun dengan alam semulajadi. Kehidupan sosial antara masyarakat membolehkan kraf buluh dihasilkan dengan baik serta membantu dalam memperbaiki atau memulakan hubungan antara sesama ahli rumah, terutama di rumah panjang. Malah, terdapat kraf buluh yang dibuat memerlukan kerjasama ahli yang ramai. Ini sekaligus mencipta semangat kerjasama, bantu-membantu serta mengeratkan silaturahim, terutama bagi keluarga atau saudara yang duduk berjauhan dari keluarga yang ada. Perhubungan sosial yang sihat ini sekaligus membantu membuat/pengkarya kraf buluh mampu membuat hasil kraf yang lebih baik dan turut disulami dengan falsafah serta kebudayaan masyarakat tempatan itu sendiri*

### Pendekatan Sosiologi

Pendekatan sosiologi dapat digunakan untuk membuat interpretasi yang objektif dan analitikal. Seni itu adalah sosial sesama manusia, umpamanya

<sup>1</sup> Berdasarkan cerita, Apoi Saloi selalu mendengar suara nyanyian yang merdu menerusi sebuah pondok buluh yang buruk, milik Apoi Seumang-Umang. Suara nyanyian itu mula kedengaran apabila Apoi Seumang-Umang turun ke sawah. Apoi Saloi yang tamak telah merancang untuk menipu Apoi Seumang-Umang dengan menukar rumah miliknya dengan pondok Apoi Seumang-Umang, untuk mendapatkan ‘keuntungan’ dan ‘kebahagiaan’ kerana memiliki pondok tersebut. Sebenarnya, itu adalah tipu muslihat yang telah dirancang, dan setelah ditukar barulah Apoi Saloi menyedari bahawa pondok itu hanyalah pondok biasa yang buruk.

dalam menghasilkan kraf buluh, hanya individu atau beberapa individu sahaja yang terlibat tetapi tidak bermakna kepentingan itu mewakili inividu, ia menjadi hasil kerja sosial secara kolektif apabila masyarakat menerimanya. Tindakan seni yang memberi keselesaan adalah menyentuh pengalaman, emosi, perasaan dan menyentuh jiwa maka itu adalah tindakan sosial. Kenyataan itu menggambarkan asas kepada ciri manusia ialah membentuk seni sebagai sosial yang mempunyai teknik terhadap perasaan, sebagai alat kepada masyarakat dan membawa perubahan kepada masyarakat. Kesannya berlaku terhadap rasa ketakjuban, keseimbangan dalam dan kesedaran baru dalam kehidupan sehari-hari. Jika atau mungkin benar apa yang dikatakan oleh Guyau dalam Vygotsky, ‘kerja seni adalah pusat kepada wujudnya aktiviti yang membentuk pemikiran yang tinggi’. Lihatlah hasil seni yang terdapat di sekeliling kita.

Kesenian telah menyertai kehidupan manusia sejak wujudnya manusia dan merupakan bidang yang tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan manusia. Keunikan ini menunjukkan seni sebagai salah satu bidang daripada kebudayaan manusia dalam keseluruhan kehidupan melibatkan tindakan spontan dan segera yang berkait dengan sifat kepekaan yang menjurus ke arah memenuhi kehendak dan kepentingan manusia (Parsons, 1951). Tindakan yang mudah dan kompleks adalah melibatkan seni. Amalan biasa itu menggunakan banyak konsep untuk mengukur nilai dengan sistem yang abstrak dalam kehidupan.

Pengalaman dalam kehidupan biasa telah mewujudkan suatu sistem yang konkret dan mempunyai sifat kelainan yang menunjukkan abstraksi, generalisasi dan kepelbagai bentuk pemikiran. Fenomena kepada kehendak manusia adalah fenomena estetik yang melibatkan seluruh pengalaman dalam kehidupan manusia. Ciptaan seni merupakan produk seni yang sangat rapat dengan fenomena estetik yang wujud dalam kehidupan manusia. Kekuatan kepada fenomena itu adalah seni yang menunjukkan semua pemikiran, perasaan dan kekuatan semangat manusia terarah kepada realiti yang sama dengan fakta, persoalan dan permasalahan yang seberapa daya bertujuan untuk menyelesaiannya.

Kraf buluh mempunyai hubungan yang rapat dengan pemikiran terhadap imitasi alam melalui transformasi, stailisasi dan idealisasi realiti yang menyedarkan masyarakat dengan nilai yang dibina. Walaupun seni itu secara tidak langsung wujud dalam bentuk permainan, fantastik dan pelik tetapi secara langsung digunakan sebagai alat untuk tujuan memenuhi kegunaan harian dan berkembang menjadi kraf sebagai sumber pendapatan keluarga. Karya seni bertujuan untuk mencapai kehidupan yang harmoni sesama manusia dan dengan alam itu sendiri. Pendekatan sosiologi dapat membantu untuk mengesan sejauh mana perhubungan antara sosial dengan fenomena artistik dapat dibina.



Kes 4 : Buaihan Buluh untuk Upacara Ritual

Kraf buluh dalam etnik Iban, Melanau dan Bidayuh adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan hidup sehari-hari yang merupakan satu perlambangan kepada sosio-budaya dan sosio-ekonomi etnik tersebut. Kesedaran itu membentuk budaya yang memiliki sifat kepekaan dan pengamatan terhadap alam persekitaran mengikut adat resam dan norma hidup etnik setempat yang menjadi warisan, sebagai pembelajaran yang dikongsi bersama. Mengikut kepercayaan mereka bahawa setiap benda yang ada di alam ini mempunyai jiwa. Pemikiran masyarakatnya masih dibelenggu dengan kepercayaan mitos asal sesuatu kejadian yang dikaitkan dengan alam sekitar mereka. Badan menjadi miliknya sedangkan jiwa dianggap sebahagian daripada alam (Djauhari Sumintardja, 1986) dan mereka mesti mencari hubungan yang tepat dengan daya kekuatan alam melalui pelbagai cara. Buluh digunakan dengan sebaik mungkin, sedikit sebanyak aspek pantang larang menjadi simbol

yang mempunyai nilai budaya sebagai pedoman apabila bahan alam itu digunakan untuk keperluan menghasilkan kraf. Walau bagaimanapun tahap mitos dalam minda dan tindakan mereka telah semakin berkurangan. Sedikit demi sedikit tahap mitos itu dilupakan, apabila pembuat kraf yang berusia lanjut telah semakin berkurangan. Generasi yang berusia lanjut merupakan penerima warisan kraf yang berada lebih dekat dengan tahap mitos yang wujud dalam pemikiran pembuat kraf. Hakikat kewujudan kepercayaan mitos mungkin ada kerana dari segi sejarah ada kaitan dengan kepercayaan animisme dalam pemikiran dan kehidupan yang kewujudan pelbagai semangat itu dapat menentukan kehidupan mereka selamat. Generasi berikutnya mula mengaitkan tahap mitos dengan realiti alam. Mereka mempunyai alasan yang dikaitkan dengan logik. Daya usaha mereka itu merupakan suatu usaha yang murni kerana kemampuan mereka mencari hakikat dan memperoleh pengertian tentang daya yang menggerakkan alam (Djauhari Sumintardja, 1986). Alasan logik itu dipercayai dapat melepaskan diri mereka daripada kepungan kekuatan alam.

Kewujudan kraf buluh yang bertujuan fungsional menunjukkan masyarakat tersebut mempunyai rasional bagaimana mereka berhubung dengan alam. Kehidupan etnik-etnik pembuat kraf buluh di Sarawak ada kaitannya dengan kepercayaan dan hubungannya dengan alam. Bahasa komunikasi menjadi simbol utama membentuk persepsi terhadap penilaian dan penginterpretasian keseluruhan alam persekitaran mereka. Aspek-aspek itu telah membentuk konsep dan persepsi tentang alam dan kehidupan mereka dalam alam tersebut. Sama ada disedari atau tidak, bentuk pemikiran masyarakat seumpama itu ada mempunyai ciri-ciri animistik, supernaturalistik dan antropomorfik (<http://en.wikipedia.org/wiki/animism>).

### Pendekatan Antropologi

Pendekatan antropologi menekankan kerja lapangan di tempat sebenar yang bermatlamat untuk menghuraikan sesuatu budaya (Boas, 1955). Pendekatan ini selaras dengan kaedah yang digunakan dalam kajian simbolisme kraf buluh dan hubungannya dengan minda dan tingkah laku multi etnik di Sarawak. Hasrat naluri dalam sistem organisme manusia, ada hubungan dengan proses belajar kerana dorongan untuk belajar wujud dalam lingkungannya. Proses belajar merupakan dasar

kebudayaan yang dimiliki oleh makhluk manusia. Dalam hal ini, watak manusia merupakan rangkaian proses fungsional yang berpusat pada alam rohani iaitu minda seseorang. Proses fungsional dipengaruhi oleh lingkungan seseorang seperti lingkungan fizik (alam dan gejala-gejalanya), lingkungan sosial (manusia dan kelompok manusia) dan lingkungan kebudayaan (nilai, adat dan objek-objek kebudayaan) (Hari Poerwanto, 2000). Pendekatan antropologi memperkayakan apresiasi penyelidik terhadap budaya yang membolehkan proses komunikasi berlaku dengan pelbagai gaya hidup dan budaya tradisi dalam masyarakat yang dikaji itu (Spradley, 1972). Situasi itu memberi pengetahuan baru dalam nilai yang mempengaruhi tingkah laku atau watak sesuatu masyarakat atau etnik. Kajian terhadap simbol minda dan tingkah laku dalam kraf etnik Iban, Melanau dan Bidayuh sangat sesuai menggunakan pendekatan antropologi.

Pendekatan antropologi menekankan hubungan terhadap kehidupan, menyedarkan kesedaran terhadap dunia lingkungannya (Spradley, 1979). Pendekatan ini dapat diterima untuk memahami dan menginterpretasi lingkungan dan pengalaman kerana kedua-duanya mempengaruhi kelakuan manusia. Memahami dan menginterpretasi lingkungan serta pengalaman etnik yang menggunakan kraf buluh dapat mempengaruhi kelakuan atau watak etnik tersebut. Mengesan simbol yang wujud dalam kraf buluh memerlukan kefahaman tentang tingkah laku dan kehendak minda berdasarkan penggunaan dan penerimaan terhadap kraf buluh dalam etnik tersebut. Melalui pendekatan antropologi kewujudan kraf buluh dalam etnik-etnik di Sarawak menjadi suatu budaya yang merupakan sistem pemikiran yang mencakup gagasan, konsep, aturan serta makna dalam kehidupan yang dimilikinya melalui proses belajar (Hari Poerwanto, 2000).

Pendekatan antropologi yang menggunakan kaedah kerja lapangan sangat sesuai dalam kajian yang berkaitan dengan budaya. Spradley menjelaskan yang kesannya akan menimbulkan beberapa kerangka konseptual dan teoretikal melalui pemerhatian yang teliti, merekod situasi, aktiviti, tingkah laku dan idea. Proses pemerhatian membolehkanuraian, klasifikasi, perbandingan dan penjelasan yang menunjukkan ada persamaan dan perbezaan dan seterusnya membuat deskripsi

dari pada pemerhatian tersebut (Spradley, 1997). Tingkah laku sosial melibatkan tindakan individu yang membolehkan individu lain mempelajari dan memahaminya. Tingkah laku individu dikongsi dengan individu lain dan budaya pengetahuan dikodkan sebagai suatu sistem simbol yang kompleks yang perlu dipelajari oleh setiap generasi.

Pendekatan antropologi melalui kerja lapangan merupakan kajian yang sistematik untuk menemukan pengetahuan dalam sesuatu etnik, bagaimana mereka pelajari dan digunakan untuk menguruskan tingkah laku sehari-hari. Minda dan tingkah laku tidak dapat dipisahkan dalam pembentukan budaya yang mempunyai hubungan dengan nilai dan ilmu.

Mengkaji simbolisme dalam kraf buluh etnik Iban, Melanau dan Bidayuh akan menyentuh simbol konstitutif, simbol moral, simbol ekspresif dan simbol kognitif yang mempunyai hubung kait dengan kajian antropologi tentang budaya, seterusnya mempengaruhi cara melihat manusia. Tiga strategi yang digunakan iaitu subjek, respondan dan informan memainkan peranan penting dalam kefahaman terhadap watak dan tingkah laku manusia. Pelbagai pendekatan yang digunakan dapat melihat perhubungan antara seni, budaya dan kepercayaan masyarakat terhadap alam, sehingga kesenian yang wujud melalui olahan benda alam itu menjadi simbol minda dan tingkah laku dalam kehidupan sehari-hari (Siti Zainon, 1985). Kesannya dengan kesenian, simbol yang wujud berfungsi mendorong masyarakat itu mematuhi dan mengenali nilai hidup bersama, dalam corak budaya, kepercayaan dan agama masyarakat yang menciptanya (Othman Yatim, 1985).

Kesimpulannya dalam kajian kualitatif terutama yang berkaitan dengan kajian kesenian dan kebudayaan dapat menjawab persoalan yang berkaitan dengan apa, mengapa dan bagaimana dalam membentuk kemasyarakatan dan kebudayaan sesuatu tamadun manusia. Pendekatan interdisiplin menyentuh sejarah, psikologi, sosiologi dan antropologi yang terbentuk secara semulajadi dalam memenuhi kehendak manusia atau kelompok manusia. Interpretasi disiplin yang dilakukan menyentuh teori yang digunakan jelas dapat membantu secara berkesan dalam kajian warisan buluh.

## Daftar Pustaka

- Azmy Hj. Mohamed, (1998). *Kenali Buluh. Siri alam dan Rimba*, Kepong: FRIM.
- Baker, A.H. (1978) *Manusia dan Simbol, Sekitar Manusia Banuga Rampai tentang Filsafat Manusia*. Jakarta: Gramedia.
- Berger, Peter L. & Luckmann, T. (1979) *The Social Construction of Reality*. New York: Penguin Books.
- Boas, F. (1955) *Primitive Art*. New York: Dровер.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1992) *Qualitative Research For Education* (2<sup>nd</sup> Ed.) Boston, MA: Allyn Bacon.
- Carr, E. H. (1966) *The New Society*. Boston: The Beacon Press.
- Cassirer, E. (1987) *Manusia dan Kebudayaan: Sebuah Esei Tentang Manusia*. Terjemahan: A. A. Nugroho. Jakarta: PT Gramedia.
- Collingwood, R. G. (1986) *Idea Sejarah*. Terjemahan Muhd Yusof Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- David, B. (1953) *Theoretical Anthropology*. New York: Columbia University Press.
- Dewey, J. (1958) *Experience and Nature*. New York: Dover Publication Inc.
- Dewey, J. (1980) *Art as Experience*. New York: G. P. Putnam's and Sons.
- Dictionary of Contemporary English*, (3<sup>rd</sup> Edition), (2001) Essex: Longman.
- Geertz, C. (1973) *The Interpretation of Cultures: Selected Essays*. New York: Basic Books Inc.
- Hari Poerwanto, (2000) *Kebudayaan dan Lingkungan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Hegel, G. W. F. (1953) *Reason in History. A General Introduction to Philosophy of History*. New York: The Library of Liberal Arts.
- Ignas Kleden, (1987) *Sikap Ilmiah dan Kritik Kebudayaan*. Jakarta: LP3ES.
- Langer, Susanne K. (1957) *Problem of Art*: New York Charles Scribner's Sons.
- Langer, Susanne K. (1967) *Feeling and Form*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Langer, Susanne K. (1969) *Philosophy in a New Key. Study in the Symbolism of Reason, Rite and Art*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- Muhd Yusof Ibrahim, (1997) *Ilmu Sejarah : Falsafah, Pengertian dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osborne, H. (1970) *Aesthetics and Art Theory*. New York: Harper and Brother.
- Othman Mohd Yatim (1989) *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oxford Advanced Learners Dictionary* (4th Edition), (1989). Oxford University Press.
- Panofsky, E. (1955) *Meaning in the Visual Arts*. New York: Doubleday and Co. Inc.
- Parsons, T. and Shils, Edward A. (1951) *Toward a General Theory of Action*. Cambridge: Harvard University Press.
- Parsons, T. (1951) *The Social System*. New York: The Free Press.
- Siti Zainon Ismail, (1985) *Getaran Jalur dan Warna*. Petaling jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Zainon Ismail, (1986) *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Spradley, J.P.(1972) 'Foundations of Cultural Knowledge' dalam *Culture and Cognition, Rules, Maps and Plan*, Spradley, J.P. (ed), San Francisco, Chandler.
- Spradley, J.P. (1979) *Anthropology: The Cultural Perspective*. New York: John Wiley & Sons.
- Spradley, J.P. (1997) *Metode Etnografi (Terjemahan)* Amri Marzali. Yogyakarta: PT. Tiara Wacana.
- The compact edition of the Oxford English Dictionary*, (1971), vol.II, P-Z. Oxford University Press.
- Tjetjep Rohendi Rohidi, (2000) *Kesenian Dalam Pendekatan Kebudayaan*. Bandung: STISI.
- Vygotsky, L. S. (1971) *The Psychology of Art*. Cambridge, London: The M.I.T Press.
- Waters, M. (1994) *Modern Sociological Theory*. London: Thousand Oaks.
- Weitz, M. (1976) *Problem in Aesthetics, an Introductory Book of Readings*. New York: Macmillan.
- Whitehead, A.N. (1927) *Symbolism. Its Meaning and Effect*. New York: Macmillan.
- Whittick, A. (1971) *Symbols, Sign and Their Meaning and Uses in Design*. London: Leonard Hill.
- Williams, R. (1981) *Culture*. Jesus College, Cambridge: A Fontana Original.
- Young, P.V. (1966) *Scientific Social Surveys and Research*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Y. Sumandiyo Hadi, (2000) *Seni Dalam Ritual Agama*. Yogyakarta: Tarawang Press.